



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **18 Nov2021 (Thursday)**

Berita Harian

Faktor luar jangkaan mampu pengaruh sokongan pengundi 1

Utusan Malaysia

Azmin sudah kehabisan modal - Ginie Lim 2

Benarkan hantar permohonan dalam talian 3

Dugaan awal bakal pengantin 4

Sesak hingga hujung tahun ini - JAIS 5

Sinar Harian

Misi cegah rasuah dalam MBSA 6

The Star

Residents hope MBPJ reconsiders clearing out community garden 7

Ab Rauf to stand by party leadership decision 8

I remain loyal to PKR, Lim tells Azmin 9

Hodak warns KL not to mess up against injured Giants 10

The Edge CEO Morning Brief

Najib questioned suspension of RM5b tia bond issuance despite Sultan Mizans orders to do so, ex 1MDB director testifies 11

Nanyang Siang Pau

Travellers in Sky Mirror Kuala Selangor increased, each local governments help to monitor SOPs 12



KERATAN AKHBAR		
18 November 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Faktor luar jangkaan mampu pengaruhi sokongan pengundi
Muka Surat	:	10

Faktor luar jangkaan mampu pengaruhi sokongan pengundi



Pensyarah Kanan
 Jabatan Pengajian Politik
 dan Pentadbiran dan
 Felo Penyelidik Pusat
 Kajian Pilihan Raya dan
 Demokrasi (UMCedel)
 Universiti Malaya

Oleh Dr Mohammad Tawfik Yaakub
 bhrencana@bh.com.my

Berbaki tiga hari sahaja lagi, pengundi di Melaka akan menentukan kepemimpinan baharu kerajaan negeri pada Pilihan Raya Negeri (PRN), Sabtu ini. Sudah pasti hampir 95 peratus muka baharu akan menganggotai pentadbiran kerajaan negeri setelah ketiga-tiga gabungan parti, iaitu Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) mempertaruhkan calon muda seawal usia 21 tahun.

Namun, selain faktor calon, ada beberapa faktor luar jangka lain berupaya mempengaruhi corak sokongan pengundi pada hari pengundian seperti 'riak di permukaan tak sama kecek di dasar'.

Terdapat tiga faktor luar jangka masih tidak dibincangkan secara terbuka oleh penganalisis politik, tetapi boleh berperanan sebagai penentu kemenangan calon di beberapa kawasan tertentu, iaitu pengaruh pengundi berpegang kuat kepada adat Nanning, kecenderungan sokongan Orang Asli dan pecah undi oleh calon proksi.

Faktor pertama, iaitu pengaruh pengundi masih kuat adat Nanning tidak boleh dipandang remeh apatah lagi terdapat sekurang kurangnya tujuh kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Kuala Linggi, Ayer Limau, Lendu, Taboh Nanning, Asahan, Machap Jaya dan Rembia.

Kenapa faktor pengundi berpegang kuat kepada adat Nanning sangat penting? Sudah pasti sebenarnya calon menghormati dan masih mengamalkan adat berkenaan mudah mendapat sokongan daripada pengundi setempat.

Namun, cabaran getir perlu dihadapi Datuk Seri Idris Haron, calon PH bagi kerusi DUN Asahan yang diselubungi kontroversi dan mempunyai hubungan tegang dengan pengamal adat Nanning ketika beliau berkhidmat sebagai Ketua Menteri Melaka ke-10.

Malah, tindakan beliau mengambil alih istana Bukit Seri Nanning di Alor Gajah dan menjadikannya sebagai muzium mencetuskan kemarahan pengamal adat oleh masyarakat setempat serta konfrontasi berterusan beliau dengan Lembaga Adat Nanning sejak 2014.

Sudah pasti tindakan beliau melarikan diri daripada DUN Sungai Udang ke Asahan akan mengundang padah kerana 'anak buah' Lembaga Adat Nanning di Asahan bersedia untuk menghukum individu 'melumpuhkan' amalan adat mereka diwarisi turun-temurun.

Kawasan DUN Asahan ini antara kubu kuat UMNO-BN dan pertandingan tiga penjujur serta isu besar pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tidak mampu menumbangkan parti berkenaan meskipun hanya menang dengan majoriti 275 undi.

Malah, UMNO-BN dilihat mampu merampas kembali kerusi DUN Rembia dan Machap Jaya yang

sebelum ini dimenangi penyandang daripada PKR, iaitu Muhammad Jailani Khamis dan Ginie Lim menerusi sokongan pengamal adat Nanning dijangka turut menyumbang peralihan undi kepada calon BN.

Kedua, kerusi DUN mempunyai populasi pengundi Orang Asli juga menarik untuk diperhatikan dalam PRN Melaka kali ini. Di Melaka, terdapat empat kerusi DUN, iaitu Gadek, Machap Jaya, Asahan dan Rim mempunyai seramai 1,515 penduduk.

Kawasan DUN mempunyai perkampungan Orang Asli tertinggi, iaitu tujuh kampung Orang Asli di DUN Machap Jaya ialah KOA Machap Umboo, Tebong Steyzen, Bukit Besar, Bukit Putus, Kubang Badak, Air Dusun dan Hutan Percha.

Tindakan PKR menetapkan Lim sebagai penyandang kerusi di kawasan itu bakal mengundang

padah kerana pengaruh, sumbangan dan hubungan akrab beliau dalam dengan masyarakat Orang Asli sangat besar.

Hubungan ini terjalin ketika beliau menyandang jawatan sebagai ADUN Machap Jaya dan EXCO Wanita, Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Kebajikan dan Orang Asli kerajaan negeri menerusi usaha mewariskan kampung Orang Asli, pembinaan kemudahan jalan, lampu jalan, sumbangan kebajikan dan persekolahan.

Namun, tindakan beliau menyanggah kepemimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam PKR dengan tidak menyokong usul melantik Pengerusi PKR Melaka, Halim Bachik sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Melaka dan dilabel sebagai penyokong kuat Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, diyakini menjadi punca kepada penggugurannya sebagai calon di DUN Machap Jaya.

Malah, akar umbi menerusi lapan ketua Ranting PKR di Machap Jaya menganjurkan sidang media pada 7 November lalu menolak pencalonan muka baharu, Lau Beng Hau menggantikan Lim di kerusi DUN berkenaan.

Desakan menarik semula menamakan Beng Hau kepada kepimpinan PKR dan penolakan jentera akar umbi membuktikan calon PH di kawasan itu berhadapan tindakan boikot ahli parti serta menyebarkan undi Orang Asli kepada PH bakal terjejas.

Pastinya, boikot daripada akar umbi dan peralihan undi Orang Asli yang akrab dengan bekas penyandang kerusi akan mengoyahkan potensi PH untuk memenangi semula kerusi berkenaan dalam PRN Melaka kali ini.

Ketiga, terdapat tindakan meletakkan calon proksi di kerusi DUN tertentu sebagai tindakan protes terhadap keputusan gabungan dan strategi politik untuk menewaskan calon berpotensi menang daripada parti dalam gabungan sama.

Misalnya di kawasan DUN Durian Tunggal calon BEBAS, iaitu Mohd Erfan Mahrilil pernah terbabit dalam pertandingan sebagai calon Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) BERSATU di kawasan Alor Gajah.

Pencalonan beliau sebagai wakil Bebas di kawasan Durian Tunggal ini dilihat bertujuan untuk mengurangkan dan memecahkan undi mampu diperolehi calon PN, iaitu Ja'afar Othman daripada PAS.

Situasi pertandingan lebih dua penjujur dengan pembaitan calon proksi sebagai wakil Bebas ini menjadi strategi politik sering dinafikan parti dan individu terbabit, namun hanya calon bertanding atas tiket proksi terbabit mengetahui matlamat sebenar mereka menyertai pertandingan di kerusi DUN berkenaan.

Ketiga-tiga faktor luar jangka ini mampu mengubah arah tuju corak pengundian pengundi dan keputusan PRN Melaka.

Parti politik sudah pasti mempunyai strategi politik masing-masing bagi memastikan calon mereka mampu menang di kawasan ditandingi, namun mereka perlu berwaspada pengaruh faktor luar jangka mampu mengubah congakan jumlah kerusi bakal dimenangi.

Terdapat tiga faktor luar jangka masih tidak dibincangkan secara terbuka oleh penganalisis politik, tetapi ia boleh berperanan sebagai penentu kemenangan calon di beberapa kawasan tertentu





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 November 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Azmin sudah kehabisan modal - Ginie Lim
Muka Surat	:	6

Azmin sudah kehabisan modal - Ginie Lim

MELAKA: Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ginie Lim menegaskan sekalipun tidak dicalon dalam Pilihan Raya Negara (PRN) Melaka namun beliau komited dengan agenda Pakatan Harapan (PH).

Ginie menyifatkan dakwaan Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bahawa beliau digugurkan kerana menyokongnya adalah sebagai kehabisan modal.

Katanya, kesetiaan beliau sebagai seorang ahli PKR dan aktivis Reformis adalah pada prinsip perjuangan parti, bukannya kepada individu.

"Walaupun saya tidak bertanding dalam Pilihan Raya Negeri kali ini, saya tetap komited dengan agenda perjuangan PH serta menyumbangkan tenaga dan idea dalam politik tanah air di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya menolak dengan tegasnya tindakan Langkah Sheraton kerana bersekolong-kol dengan kuasa kleptokrat dan perasuah yang telah pun ditolak oleh rakyat dalam Pilihan Raya Umum.

"Meskipun Azmin pernah menjadi Timbalan Presiden PKR, namun amat menyedihkan bagi seorang yang kononnya memperjuangkan politik pelbagai kaum dan melawan rasuah lebih 20 tahun tetapi akhirnya terpaksa tunduk kepada acuan parti perkauman dan perasuah," katanya semalam.

Semalam Mohamed Azmin Ali, melahirkan rasa simpatinya kepada Ginie kerana tidak dicalonkan parti itu dalam PRN Melaka.

Azmin yang juga bekas Timbalan Presiden PKR berkata, Ginie menjadi mangsa politik dalaman PKR kerana dilihat berpihak kepadanya selepas mengambil keputusan meninggalkan parti itu.

Ginie kemudian meminta Mohamed Azmin sedar bahawa Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sudah tidak lagi relevan untuk masa depan tanah air.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 November 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Benarkan hantar permohonan dalam talian
Muka Surat	:	29

Benarkan hantar permohonan dalam talian

SHAH ALAM: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diharap membenarkan penghantaran permohonan kebenaran perkahwin dibuat secara dalam talian bagi memudahkan pemohon tanpa perlu tiba awal pagi dan beratur panjang di pejabat agama.

Saranan itu disuarakan kerana terdapat pemohon mendakwa terpaksa mengambil cuti untuk hadir ke pejabat agama malah ada yang terpaksa datang kembali dan menghantar borang lagi sekali kerana dokumen disertakan tidak lengkap.

Menurut Zubaidah Mohd. Sufian, 33, situasi menunggu pada waktu awal pagi dan berulang alik ke pejabat agama boleh dielakkan jika permohonan dan penghantaran dokumen boleh dibuat secara dalam talian.

“Untuk pengesahan, mungkin pegawai boleh memanggil pemohon untuk menunjukkan dokumen asal ke pejabat untuk semakan. Tidak perlu panggil semua pemohon, mungkin perlu panggil mereka sekiranya terdapat dokumen yang meragukan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Nuriyilia Nordin, 27, memberitahu dia terpaksa hadir ke Pejabat Agama Islam Daerah Klang sebanyak dua kali pada Jumaat lalu kerana dokumennya tidak lengkap dan perlu ditandatangani oleh pegawai disenaraikan sahaja.

“Mujur rumah saya dekat di Kampung Sungai Kandis, cuma saya ada masalah dokumen yang ditandatangani oleh imam masjid, sedangkan ia perlu ditandatangani oleh pengerusi masjid. Terpaksa hantar semula, sudahlah beratur sejak pukul 6.30 pagi.

“Kemudian, ada satu sijil nikah ibu bapa dalam syarat cuma kata salinan, tetapi bila tiba di pejabat tak tahu pula kena bawa sijil asal, itu pun agak menyukarkan. Walau bagaimanapun, mujur saya dibenarkan hantar semula semua dokumen dalam hari sama sebelum pukul 4 petang,” katanya.



KERATAN AKHBAR
18 November 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Dugaan awal bakal pengantin
Muka Surat	:	29

Tiba awal pagi, pegawai hanya proses 80 permohonan setiap hari

Dugaan awal bakal pengantin

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
 athir.ismail@mediamula.com.my

SHAH ALAM: “Terpacak” di hadapan pintu pejabat agama Islam seawal pukul 6 pagi, itulah antara cabaran awal bagi bakal pasangan pengantin di Selangor yang mahu mendirikan rumah tangga pada hujung tahun ini.

Mereka perlu hadir seawal itu untuk mendapatkan nombor giliran bagi menghantar borang permohonan kebenaran berkahwin ke pejabat agama Islam daerah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebelum mereka dibenarkan bernikah.

Tinjauan *Utusan Malaysia* baru-baru ini, di Pejabat Agama Islam Daerah Petaling di sini, seramai 30 orang sudah pun menunggu di hadapan pintu masuk kaunter pendaftaran seawal pukul 7 pagi bagi berurusan di sana.

Sementara di Pejabat Agama Islam Daerah Klang pula, hampir 20 orang sudah pun beratur di hadapan pintu pagar pejabat berkenaan dan ada pemohon yang menunggu sejak pukul 6 pagi di sana.

Malah, menurut seorang pemohon, Zubaidah Mohd. Sufian, 33, ruangan menunggu di pejabat agama di Shah Alam itu sudah pun dihadiri lebih 10 pemohon lain ketika dia tiba di sana pada pukul 6.15 pagi selepas keluar dari rumahnya di Puchong pada 5.30 pagi.

“Saya ingat pukul 6.15 pagi itu sudah dikira awal sebab pernah datang pada petang Jumaat lepas untuk hantar borang permohonan kebenaran berkahwin, tetapi dimaklumkan oleh



SEBAHAGIAN pemohon yang mendakwa menunggu di pintu masuk sejak pukul 6 pagi untuk menghantar borang permohonan kebenaran bernikah di Pejabat Agama Islam Daerah Klang di Klang, Selangor.

pegawai mereka tidak lagi menerima borang pada waktu itu.

“Justeru, pegawai berkenaan menasihatkan saya datang seawal pukul 6 pagi untuk mendapatkan nombor giliran sahaja kerana sehari mereka memberitahu boleh menerima 80 permohonan sahaja. Tetapi sampai awal pada waktu itu pun sudah lebih 10 orang yang menunggu,” katanya ketika ditemui.

Turut sampai pada waktu sama, Balkis Abbas, 21, juga dari Puchong apabila memberitahu pernah cuba untuk membuat temu janji sebelum kehadiran mereka datang terus ke kaunter dibenarkan ketika Selangor dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan

Negara, namun sentiasa penuh.

“Saya nikah pada 12 Disember nanti, tetapi sebelum ini pernah cuba untuk selesaikan permohonan kebenaran bernikah awal sebab risau kalau ada dokumen tidak lengkap dan kena datang dua tiga kali ke pejabat agama.

“Tetapi semua tarikh janji temu penuh, mujur sekarang sudah boleh *walk-in* ke kaunter, cuma kena datang awal pagi. Tetapi saya bimbang juga urusan tak boleh selesai hari ini kerana jurunikah di kawasan rumah sudah tamat tauliah,” luahnya.

Di Klang pula, Mohamad Amirul, 24 dari Kapar memberitahu, dia perlu keluar rumah

seawal pukul 4.30 pagi kerana pejabat agama di Klang terletak kira-kira 30 kilometer dari rumah berbanding pejabat di Kuala Selangor.

“Pernah saya pergi ke pejabat di Kuala Selangor, tetapi diarahkan pergi ke Klang kerana rumah dalam daerah itu. Kemudian pada dua minggu lalu saya datang ke sana pada pukul 8.30 pagi, tetapi ketika itu sudah ada hampir 100 orang menunggu.

Sementara itu, Nasrul Izam, 23, yang turut menunggu di tempat sama memberitahu, situasi orang beratur panjang di sana biasa dilihatnya sejak akhir-akhir ini, malah barisan-nya panjang hingga ke bahagian belakang bangunan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 November 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sesak hingga hujung tahun ini - JAIS
Muka Surat	:	29

Sesak hingga hujung tahun ini - JAIS

SHAH ALAM: Isu 'bottleneck' yang perlu dihadapi oleh permohonan kebenaran bernikah di Selangor dijangka berlarutan sehingga hujung tahun ini berikutan terdapat permohonan tertangguh akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Bagaimanapun, jumlah permohonan dijangkakan masih berada pada sekitar 22,000 seperti tahun-tahun sebelum pandemik Covid-19 melanda, namun disebabkan permohonan ter-

tangguh peningkatan permohonan sehingga Disember ini.

Malah, terdapat empat pejabat agama Islam daerah di negeri ini sedang mengalami peningkatan permohonan iaitu di Gombak, Petaling, Klang dan Hulu Langat.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad yang menjelaskan, permohonan kebenaran berkahwin secara terus di kaunter setiap hari meningkat

kepada 80 hingga 100 berbanding hari biasa.

"Peningkatan itu sudah dijangka selepas banyak permohonan tertangguh ketika PKP. Jika sebelum ini, kebiasaan permohonan diterima adalah sekitar 50 sahaja, walau bagaimanapun 80 hingga 100 permohonan itu adalah had dan bebanan kerja boleh ditampung pegawai setiap hari," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Mengenai saranan orang ramai supaya JAIS membenarkan

permohonan kebenaran berkahwin dihantar secara dalam talian, Mohd. Shahzihan berkata, ia memang dalam pertimbangan JAIS tetapi beliau mahukan satu sistem dalam talian sepenuhnya apabila diperkenalkan kelak.

"Apa yang kita lalui sekarang adalah pengalaman yang sangat besar, bukan JAIS sahaja bahkan semua agensi kerajaan. Sudah sampai masanya kita punyai sistem dalam talian kena buat *end-to-end*," katanya.



KERATAN AKHBAR		
18 November 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Misi cegah rasuah dalam MBSA
Muka Surat	:	25

Misi cegah rasuah dalam MBSA

Buku CRM dan Tatacara Pengurusan Tatatertib jadi panduan dan rujukan kakitangan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengingatkan kakitangannya tidak terpalit dengan isu rasuah dan salah guna kuasa yang boleh memberi kesan kepada pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor berkata, pelbagai usaha dilakukan bagi membanteras perbuatan tidak berintegriti itu.

Menurutnya, antara usaha dilakukan termasuklah menyediakan buku Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan buku Tatacara Pengurusan Tatatertib yang dilancarkan pada Selasa.

“Buku ini diharap menjadi panduan dan rujukan kepada kakitangan MBSA bagi mengelakkan mereka melakukan jenayah rasuah.

“Kita ada pelan risiko rasuah dan kaedah kita mengambil tindakan terhadap si pelaku,” katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Zamani Ahmad berkata, MBSA akan mengambil beberapa tindakan dan ber-

usaha bagi memastikan perbuatan rasuah tidak berlaku dalam kalangan kakitangannya pada masa depan.

“Kita turut mengenal pasti tempat kerja kita yang ada risiko (berlakunya) rasuah,” ujarnya.

Jelas beliau, kedua-dua buku terbabit diedarkan secara bercetak dan digital yang boleh diakses kakitangannya pada bila-bila masa sahaja.

“Melalui buku panduan ini mereka dapat mengetahui apa tindakan akan dibuat dan apakah kesan sekiranya mereka terbabit dengan rasuah,” katanya.

Ditanya tentang statistik rasuah membabitkan kakitangan MBSA, Zamani Ahmad berkata, setakat ini tiada kes rasuah membabitkan kakitangannya.

“Belum ada sebarang kes rasuah membabitkan kakitangan MBSA melainkan kes-kes lama,” jelasnya.



ZAMANI AHMAD

RALAT

BERDASARKAN laporan *Sinar Harian* bertajuk 700 kakitangan MBSA ikrar bebas rasuah yang disiarkan pada 17 November di muka surat 22 terdapat kesilapan pada gambar Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor.

Gambar yang disiarkan pada laporan berita berkenaan ialah bekas Datuk Bandar, Datuk Haris Kasim yang kini dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Sinar Harian memohon maaf di atas kesilapan menyiarkan gambar berkenaan.



KERATAN AKHBAR		
18 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Residents hope MBPJ reconsiders clearing out community garden
Muka Surat	:	2

Selangor

Damansara Jaya residents upset with Petaling Jaya City Council for cordoning off their community garden >2

Residents hope MBPJ reconsiders clearing out community garden

By GRACE CHEN
 gracechen@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) has cordoned off a community garden in Jalan SS22A, citing violation of its park by-laws

and open space gazette.

A notice to Damansara Jaya Residents and Owners Association (DJROA) was also issued by MBPJ's Landscape Department.

It ordered the cessation of all gardening activities and for all planting materials, tools

and plants to be cleared within 14 days of the date of issue, which was Sept 29.

The residents — who have been taking care of the community garden — hoped the council would reconsider its decision.

Resident Yap Oi Fah, 81, a former secretary of SS22A Rukun Tetangga Area (RT) and DJROA said the idea for a garden was mooted in 2019 as residents wanted more activities to bring the community together.

He said the community garden that started in January last year received a total funding of RM33,000 from Bandar Utama assemblyman Jamaliah Jamaluddin, Selangor executive council member Hee Loy Sian and MBPJ councillor Quratulain Atiqah Norzahiril Anuar as part of the state government's green initiatives.

Another resident, Connie Ng, 66, said the area was once a wild mass of overgrowth with mango and banana trees planted by unknown people.

As the plants were in a part of the park that was seldom used, she said it seemed an ideal location for a garden.

She said the process of starting a community garden and seeing it grow had been rewarding and an educational one.

"Many of us had little to no agricultural background. We learned the process of growing food from others who had the knowledge," she added.

Ng said the community garden also became a social meeting point, with children coming over in the evenings to see what the adults were doing.

"It was the children who decorated the corner where a dead tree stump once stood. They put ornamental flora, fauna and art-

work on pebbles, rocks and recycled wood.

"Other times, the teenagers would hammer a scarecrow together. On Saturday mornings, we would have tea and snacks," she said.

Ng added that although they had no intention to protest against the council's orders to vacate the land, residents were finding it hard to let go.

Dr Siti Hajar Ahmad, 72, a retired university lecturer who has a doctorate in horticulture, said she had asked permission from the city council's Landscape Department to utilise the land.

Although there was no official reply, several successful applications for cash grants led the residents to assume they had received the go-ahead, she said.

The money, managed by the RT, was used to buy soil, seedlings, plants, frames for cultivation beds and a garden shed, she added.

Siti Hajar said it would be good if the residents were allowed to sit with the council to discuss the guidelines.

When contacted, MBPJ Landscape Department director Dr Badrulzaman Jaafar said the community garden was cordoned off in line with the guidelines of the National Community Garden Policy that prohibited the use of parks and open spaces for community gardening.

"This policy was enforced on Aug 3."

He said no allocation was given to the RT of SS22A as it was not registered with the city council.

Residents keen on continuing the community gardening could send in a fresh proposal for a new area or place for the department's review and consideration, he added.



Damansara Jaya residents are finding it hard to let go of the community garden that they started in this small corner of a park.
 — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 November 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Ab Rauf to stand by party leadership decision
Muka Surat	:	4

Ab Rauf to stand by party leadership decision

MELAKA: State Barisan Nasional chairman Datuk Seri Ab Rauf Yusoh says he will honour the decision to pick Datuk Seri Sulaiman Md Ali as chief minister-designate if the coalition wins the state polls.

"I will abide as well as respect the decision made by the Barisan and Umno leadership. I am a staunch party man," he said when contacted yesterday.

Ab Rauf, who is also Melaka Umno chief, was asked to comment on a social media post alleging that he would be the chief minister-designated if Barisan wins, by disregarding former Melaka chief minister Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Sulaiman was nominated by Barisan as chief minister-designate on Nov 9 and was the first coalition to do so, followed by Pakatan Harapan which announced that former chief minister Adly Zahari is favoured for the position.

Only the Perikatan Nasional coalition has yet to name its choice of chief minister although the coalition's election director Datuk Seri Azmin Ali said there is an individual reserved for the position.

Rauf said the choice of Barisan's chief minister-designate will remain the final decision as stipulated by the leadership.

"Even my candidacy in the Melaka elec-

tion is decided by the Barisan and Umno leadership.

"If they (leadership) say no, I will abide (by not contesting) in the Melaka election," he said.

Ab Rauf said he is used to criticism levelled at him and deems this as the political game of certain quarters.

"There are always frustrated people and as a leader, I can't escape criticism," he added.

Ab Rauf is involved in a three-cornered fight with Perikatan Nasional's Masjid Tanah MP Datuk Mas Ermeyati Samsudin and Zainal Hassan of Pakatan Harapan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
18 November 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	I remain loyal to PKR, Lim tells Azmin
Muka Surat	:	4

I remain loyal to PKR, Lim tells Azmin

MELAKA: In a retort to Datuk Seri Azmin Ali, former Machap Jaya assemblyperson Ginie Lim has declared she remains loyal with the party despite being dropped as a PKR candidate in the upcoming Melaka state election.

Lim was responding to Azmin after the former PKR deputy president said on Tuesday he said he “sympathised” with Lim after she was dropped.

“Although I’m not contesting in the coming Melaka state election, I remain committed to the Pakatan Harapan agenda, as well as contributing ideas in national politics under the leadership of Datuk Seri Anwar Ibrahim,” said Lim in a statement on Facebook yesterday.

Lim had served as a one-term Machap Jaya assemblyperson after she won in the 14th General Election.

Lim said Azmin should realise that Parti Pribumi Bersatu Malaysia is irrelevant to the future of the country.

“He should have returned to the right path, rather than letting himself be used as a tool of corruption,” said Lim, who added that it was sad that he chose to switch allegiances after being in the Opposition’s struggle for over 20 years.

In an event in Machap on Tuesday, Azmin said he was saddened by PKR’s decision to drop Lim and urged her to continue fighting.

Azmin claimed that Lim was a victim in PKR as she was seen aligned with him.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
18 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Hodak warns KL not to mess up against injured Giants
Muka Surat	:	25

Hodak warns KL not to mess up against injured Giants



**MALAYSIA CUP
 QUARTER-FINAL**

SECOND-LEG FIXTURES

■ TODAY
(all matches at 9pm)

K. LUMPUR vs SELANGOR
(Cheras Football Stadium)

MELAKA vs SABAH
(Hang Jebat Stadium)

SARAWAK UTD vs TERENGGANU
(UiTM Stadium, Shah Alam)

JDT vs KEDAH
(Sultan Ibrahim Stadium, Iskandar Puteri)

PETALING JAYA: Kuala Lumpur, despite having a two-goal cushion, still have a giant task in the Malaysia Cup quarter-finals return leg against Selangor, according to their coach Bojan Hodak.

The City Boys stunned their more illustrious rivals 2-0 at the MBPJ Stadium in Shah Alam on Sunday. And with home advantage at the Kuala Lumpur Football Stadium in Cheras tonight, KL are in the driver's seat to head into the semi-finals.

Romel Morales and Hadin Azman scored for KL in the 14th and 74th minute respectively as they recorded their first away win over the 33-time Malaysia Cup winners in 21 years.

Colombia-born Morales is now

the leading scorer in the competition with nine goals.

But despite having the firepower and momentum going for them, Hodak said it will be dangerous to disregard the Red Giants.

"KL have not played in the last eight of the Malaysia Cup after many years, so we are not considered favourites in the first place," he said.

"Selangor are the Real Madrid of Malaysia and what they've achieved in the competition shows their reputation as one of the big teams in the country.

"We have a two-goal cushion and we play at home but if we go easy, it will be dangerous. We must make the advantage count.

"We still need to go through 90

minutes. It's better if we start thinking like we are 0-0," said the Croatian.

Meanwhile, his Selangor counterpart Karsten Neitzel admitted that his team will be weakened by the absence of striker Ifedayo Olusegun, Brendan Gan, Safuwani Baharudin and Halim Saari, who are injured.

"In the first leg, we were not at our best and could not convert our chances. Now without some of our key players it will be difficult to overturn the result but we will try our best," said Neitzel.

Olusegun, the 2020 Super League Golden Boot winner, is recovering from a medial collateral ligament (MCL) injury and is not certain whether he will be on the starting line-up.



KERATAN AKHBAR		
18 November 2021		
Akhbar	:	The Edge CEO Morning Brief
Tajuk Berita	:	Najib questioned suspension of RM5b TIA bond issuance despite Sultan Mizan orders to do so, ex-1MDB director testifies
Muka Surat	:	7

Najib questioned suspension of RM5b TIA bond issuance despite Sultan Mizan's orders to do so, ex-1MDB director testifies

BY TIMOTHY ACHARIAM &
 AHMAD NAQIB IDRIS
theedgemarkets.com

KUALA LUMPUR (Nov 17): Former 1 Malaysia Development Bhd (1MDB) director Tan Sri Ismee Ismail testified in court on Wednesday that former prime minister Datuk Seri Najib Abdul Razak had questioned him and former CEO Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi on why they signed a resolution to discontinue a RM5 billion bond issuance despite being told to do so by Terengganu's Sultan Mizan Zainal Abidin.

Testifying at the 1MDB-Tanore trial, Ismee, reading from his sworn witness statement, was detailing the formation of 1MDB, prior to which the state investment arm was known as Terengganu Investment Authority (TIA) in 2009.

Ismee was appointed as TIA director by Sultan Mizan and the company had endeavoured to raise RM5 billion in Islamic medium-term notes (IMTN) with AmInvestment Bank Bhd to lead the issuance.

However after expressing his dissatisfaction over TIA, the then Agong, Sultan Mizan, had summoned Ismee and Shahrol, who was also TIA CEO then, to Terengganu to have a meeting with the Sultan and Tengku Datuk Rahimah Sultan Mahmud.

During that meeting, Ismee testified that he was told to sign a director's resolution for the suspension of the IMTN issuance.

"During the meeting, Sultan Mizan told me: 'My interest and concern is the well-being of my state and of my people.' He then told me he wanted the IMTN to be suspended," he said.

Ismee said that in his opinion, it was at the behest of Sultan Mizan that TIA and the IMTN were started and if he had wanted to suspend it, there would not be an issue at all.

Sultan Mizan, Ismee and Shahrol had then signed the resolution to suspend the IMTN; Ismee testified that Shahrol told him after the meeting that they could not suspend the IMTN as instructions were already given to AmBank, despite signing the resolution.

"Shahrol told me after the meeting that we have already pushed the button, I had then asked him to sort this matter out, and I asked Shahrol why he did not speak up



Najib as seen at the Kuala Lumpur Court Complex on Wednesday (Nov 17).

at the meeting just now or why he did not tell me about it so I could have brought it up with Sultan Mizan," Ismee added.

Najib questioned Ismee and Shahrol on signing the resolution

Ismee testified that upon his return from Terengganu after having signed the resolution, Najib had summoned Ismee and Shahrol to his residence at Langgak Dutu to find out what had happened in their meeting with Sultan Mizan.

Ismee said after explaining what had happened, Najib had asked both the men: "Why did you sign it?"

"Najib also asked us why we did not seek an extension from His Highness to give us time to think," Ismee said.

"I wanted to tell Najib that these were the wishes of the King, so what could we have done," he said.

He also added that from Najib's reaction and intonation at the meeting, it seemed that the then finance minister had wanted the IMTN bond issuance to continue.

Ismee testified that after the meeting with Najib, he did not get involved in this issue and decided to let Sultan Mizan and Najib sort it out themselves.

Shahrol had also previously testified about these two meetings when he took the stand in the trial, he also corroborated that he had signed the director's resolution for the suspension of the IMTN issuance.

He said he was not aware of the reason behind Tengku Rahimah's intention to suspend the issuance of the bonds, adding that Sultan Mizan seemed angry and mentioned an "unsavoury character", although Shahrol was not sure who he was referring to.

Shahrol also testified that Najib had instructed him to push through the IMTN issuance despite signing the resolution to suspend it.

"[Najib] said something along the lines of 'you go ahead, I will talk to Tuanku'. I saw that as an order and a mandate from the prime minister and minister of finance to carry on with the IMTN because he was the minister that was responsible for the government guarantee," said Shahrol previously.

Because of Sultan's Mizan's reluctance over the RM5 billion bond issuance, TIA from Terengganu Menteri Besar Incorporated was taken over by Minister of Finance (Incorporated), where Najib was the finance minister. In July that year, TIA was transformed into 1MDB.

Najib is currently facing 25 counts of money laundering and abuse of power for alleged misappropriation of billions of ringgit in 1MDB funds.

SHAHRI N YAHYA/THEEDGE



KERATAN AKHBAR		
18 November 2021		
Akhbar	:	Nanyang Siang Pau
Tajuk Berita	:	Travellers in Sky Mirror Kuala Selangor increased, each local governments help to monitor SOPs
Muka Surat	:	1



配合防疫措施，地方政府将下场监督旅游景点，确保游客皆严守防疫措施。

瓜雪天空之镜游客大增 各地方政府助监督SOP

(莎阿南 17 日讯) 雪兰莪旅游局总执行长阿兹鲁沙表示，雪州瓜拉雪兰莪天空之镜游客大增，其他景点也备受青睐，为此，各地方政府也将从中协助监督旅游景点，确保民众遵守防疫措施。

“除了天空之镜，万津摩力海滩、沙白安南民宿乡 (inap desa)，以及雪邦蓝鳍码头 (Jeti Sirip Biru) 也在国家复苏第 4 阶段迎来大批游客观光。”

他 16 日在莎阿南会展中心 (SACC)，与雪兰莪发展局 (PKNS) 房地产有限公司总执行长法克鲁拉签署“SACC 步道零售集装箱”合作备忘录后，向媒体如是指出。

雪州旅游局去年 12 月 17 日推介“先玩翻雪兰莪”活动，促进本地游，当时大马艺人祖丽安娜埃文斯受邀成旅游大使，如今 #PusingSelangorDulu 也在各社媒累计 2200 万标签。



社媒分享，瓜雪天空之镜再度受到关注，近期游客更显著大增。

增船班应付高需求量

社交媒体带动，瓜雪天空之镜再度热起来，以致业者需增加船班，应付高需求量。

阿兹鲁沙说，其实仍有许多人不知道全球只有 2 个天空之镜，即玻利维亚乌尤尼盐沼，以及我国的瓜雪。

天空之镜位于瓜拉雪兰莪，每逢农历初一和十五，因海水大退潮，就会让海中央浮现浅沙滩，一望无际之下，让人分不出天与地，此特殊自然景观也成为旅游胜地，同时也是海洋生物的栖息地。